

Kuasa pelajar: Banyak pihak ambil kesempatan


BATU PAHAT - Pelajar adalah golongan muda yang merupakan suatu 'kuasa' dalam negara ini, justeru banyak pihak akan cuba mempengaruhi mereka bagi mencapai tujuan dan kepentingan masing-masing.

Menyertai perasmian Kompleks Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) semalam, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pihaknya juga menyedari usaha dilakukan pihak tertentu mempengaruhi dan menghasut pelajar menerusi pertemuan dengan golongan muda itu.

Sehubungan itu, katanya, setiap pelajar mesti menghayati maksud dan tujuan pendidikan universiti iaitu untuk membangunkan daya intelek dengan berpegang pada nilai integriti dan matang membezakan antara yang benar dan salah.

"Hari ini, kita bergantung pada kekuatan yang ada pada setiap individu, untuk dapat memahami sesuatu perkara yang dibawa dan membezakan baik buruk sesuatu tindakan.

"Zaman kerajaan menyekat sudah berlalu. Ini zaman pengetahuan pemikiran dan kerajaan yakin dengan kematanagan pelajar dalam era pengetahuan ini," katanya.



Mohamed Khaled berbasikal ke dewan utama UTHM selepas merasmikan Kompleks Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), semalam.